

**APLIKASI KAEDAH ISTINBAT *ĀYĀT AḤKĀM*
DALAM PENGANALISISAN DATA KAEDAH
PENYELIDIKAN BERTERASKAN ISLAM**

KASIMAH BINTI KAMARUDDIN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2020

**APLIKASI KAEDAH ISTINBAT *ĀYĀT AḤKĀM*
DALAM PENGANALISISAN DATA KAEDAH
PENYELIDIKAN BERTERASKAN ISLAM**

oleh

KASIMAH BINTI KAMARUDDIN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

April 2020

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga Rasulullah SAW, para sahabat serta semua kaum muslimin dan juga muslimat. Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dan inayah-Nya, penyelidik dapat menyiapkan tesis berkaitan aplikasi kaedah istinbat *āyāt aḥkām* dalam penganalisan data kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Semoga kajian ini memberi sumbangan ilmu yang bermakna bagi kajian-kajian yang berkaitan Islam dan orang Islam pada masa akan datang.

Dalam menyiapkan tesis ini, ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Pertamanya, jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia utama iaitu Dr Mohd Shukri Hanapi dan penyelia bersama Dr Azrin Ibrahim yang banyak membantu, membimbing, memberi tunjuk ajar, sokongan dan dorongan yang tidak terkira dalam menyiapkan tesis ini. Semoga Allah SWT mengurniaknya sebaik-baik ganjaran kepada mereka dan sentiasa dalam rahmat Allah SWT.

Kedua, ucapan penghargaan kepada semua pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) yang sentiasa memberi tunjuk ajar dan dorongan dalam menyiapkan tesis ini. Tidak ketinggalan juga, ucapan terima kasih kepada staf sokongan ISDEV yang banyak membantu dari sudut teknikal. Ketiga, jutaan penghargaan terima kasih diucapkan kepada pihak Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) dan Kementerian Pengajian Malaysia (KPM) yang memberi ruang dan peluang kepada penyelidik untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Begitu juga, ucapan penghargaan kepada pihak Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia (USM), Perpustakaan Kampus Gong Badak (UNISZA), Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Darul Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Perpustakaan Sultanah Bahiyah (UUM) dalam membantu mengakses bahan-bahan kajian dan memudahkan urusan penyelidik.

Keempat, sekalung penghargaan kepada sahabat-sahabat perjuangan yang sentiasa menjadi tempat rujukan dan perbincangan ilmiah dalam mendalami ilmu-ilmu yang berkaitan kaedah penyelidikan berteraskan Islam iaitu Dr Nur Sakiinah Ab Aziz, Dr Wan Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Dr Abd Hanis Embong, Dr Wan Khairul Aiman Wan Mokhtar dan Dr Mohd Syahmir Alias. Tidak lupa juga kepada sahabat rakan seperjuangan yang sentiasa memberi dorongan dan semangat serta sama-sama berjuang untuk menyiapkan tesis masing-masing iaitu Ustazah Norashikin Ahmad, Ustazah Siti Mastura Mohamad, Ustazah Shahirah Said, Ustazah Nurul Farhana Yahaya, Ustazah Nurul Syahida Roslan, Dr Amir Nasron dan Ustaz Hafizuddin Gani serta semua sahabat rakan seperjuangan yang lain.

Akhir sekali, penghargaan yang paling teristimewa tidak dapat diucapkan dengan kata-kata kepada kedua ibu bapa dan ibu bapa mertua iaitu ayahanda

Kamaruddin Man dan Mior Pi Mior Hamzah serta ibunda Patimah Lateh dan Adnah Zain yang sentiasa mendoakan kejayaan anakanda. Jutaan penghargaan juga buat suami tersayang, Mior Mohd Mizan Mior Pi yang tidak putus-putus mendoakan, memberikan semangat dan dorongan serta memahami isteri sepanjang pengajian dijalankan. Juga, khas untuk anak-anak umi tersayang yang sentiasa mendoakan umi dan amat memahami situasi umi sebagai seorang ibu dan pelajar iaitu Mior Ahmad Syuraih Rayyan, Mior Ahmad Suhail Naim, Mior Ahmad Suhaib Firdaus, Nur Syifa' Adnin dan Mior Ahmad Syaddad Rayhan. Tidak lupa juga kepada adik-adik yang sentiasa membantu dan memberi kata-kata semangat iaitu Khairul Omar dan Kamariah. Semoga Allah SWT sentiasa merahmati dan mengurniakan kesihatan yang baik dan berpanjangan buat kalian semua. Amīn Yā Rabb al-‘ālamīn.

Kasimah binti Kamaruddin

Pusat Kajian Pengurusan dan Pembangunan Islam (ISDEV),
Universiti Sains Malaysia (USM)
Pulau Pinang

20 April 2020

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii	
SENARAI KANDUNGAN	iv	
SENARAI JADUAL	x	
SENARAI RAJAH	xi	
SENARAI SINGKATAN	xii	
PANDUAN TRANSLITERASI	xiii	
ABSTRAK	xiv	
ABSTRACT	xvii	
BAB 1: PENGENALAN	1	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.2.1	Kaedah Analisis Data Kualitatif Kaedah Penyelidikan Lazim	3
1.2.2	Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam	8
1.2.3	Kaedah Istinbat Hukum	15
1.3	Pernyataan Masalah	21
1.4	Objektif Kajian	26
1.5	Persoalan Kajian	26
1.6	Definisi Operasional Kajian	28
1.6.1	Kaedah Istinbat	29
1.6.2	<i>Āyāt Ahkām</i>	31
1.6.3	Kaedah Penganalisan Data	33
1.6.4	Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam	34
1.7	Skop dan Batasan Kajian	36
1.8	Kepentingan Kajian	38

1.9	Sumbangan Kajian	38
1.10	Organisasi Kajian	39
BAB 2: KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA		40
2.1	Pendahuluan	40
2.2	Kajian Lepas	40
2.2.1	Kajian Kaedah Istinbat Hukum	41
2.2.2	Kajian Falsafah KPBI	47
2.2.3	Kajian Reka Bentuk KPBI	51
2.2.4	Kajian Kaedah Pengumpulan Data KPBI	53
2.2.5	Kajian Kaedah Analisis Data KPBI	55
2.3	Analisis Kajian Lepas	60
2.4	Sorotan Karya	61
2.4.1	Kaedah Analisis Data Kualitatif KPL	61
2.4.1(a)	Kaedah Analisis Kandungan	61
2.4.1(b)	Kaedah Analisis Tekstual	62
2.4.1(c)	Kaedah Analisis Hermeneutik	63
2.4.1(d)	Kaedah Analisis Wacana	63
2.4.1(e)	Kaedah Analisis Semiotik	64
2.4.1(f)	Kaedah Analisis Tema	64
2.4.1(g)	Kaedah Analisis Naratif	65
2.4.2	Kritikan Kaedah Analisis Data Lazim Sebagai Kaedah Analisis Data KPBI	66
2.4.3	Sejarah Ilmu <i>Uşūl al-Fiqh</i>	72
2.4.4	Pendekatan Kaedah Istinbat Hukum dalam Ilmu <i>Uşūl al-Fiqh</i>	77

2.4.5	Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam	82
2.5	Analisis Sorotan Karya	88
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	90
2.7	Kesimpulan	93
BAB 3: KAEDAH PENYELIDIKAN		94
3.1	Pendahuluan	94
3.2	Reka Bentuk Kajian	94
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	98
3.3.1	Sumber Utama	100
3.3.2	Sumber Kedua	100
3.3.3	Sumber Ketiga	102
3.4	Kaedah Penganalisan Data	104
3.5	Kesimpulan	112
BAB 4: LATAR BELAKANG KAEDAH ISTINBAT HUKUM DAN PENDEKATAN KAEDAH <u>UŞŪLIYYAT AL-LUGHAWIYYAT</u>		113
4.1	Pendahuluan	113
4.2	Sejarah Perkembangan Kaedah Istinbat Hukum	113
4.2.1	Zaman Nabi Muhammad SAW	114
4.2.2	Zaman Para Sahabat	115
4.2.3	Zaman <i>Tābi ‘īn</i>	116
4.2.4	Zaman <i>Tābi ‘ Tābi ‘īn</i>	117
4.3	Sumber Epistemologi Kaedah Istinbat Hukum	120
4.3.1	Sumber Utama	122

4.3.2	Sumber Kedua	131
4.4	Tasawur Kaedah Istinbat Hukum	132
4.5	Pendekatan Kaedah <i>Uṣūliyyat al-Lughawiyat</i>	136
4.5.1	Lafaz Diambil Kira dari Sudut Kedudukannya pada Makna	139
4.5.1(a)	<i>Al-Khāṣ</i>	139
4.5.1(a)(i)	<i>Al-Muṭlaq</i>	141
4.5.1(a)(ii)	<i>Al-Muqayyad</i>	142
4.5.1(a)(iii)	<i>Al-'Amr</i>	149
4.5.1(a)(iv)	<i>Al-Nahy</i>	152
4.5.1(b)	<i>Al-'Ām</i>	155
4.5.1(c)	<i>Al-Musyarak</i>	158
4.5.2	Lafaz Diambil Kira dari Sudut Penggunaannya pada Makna	160
4.5.2(a)	<i>Al-Ḥaqīqat</i>	160
4.5.2(b)	<i>Al-Majāz</i>	161
4.5.2(c)	<i>Al-Ṣarīḥ dan Al-Kināyat</i>	162
4.5.3	Lafaz Diambil Kira dari Sudut Petunjuknya pada Makna	163
4.5.3(a)	Petunjuk Lafaz yang Jelas	163
4.5.3(a)(i)	<i>Al-Zāhir</i>	164
4.5.3(a)(ii)	<i>Al-Naṣ</i>	165
4.5.3(a)(iii)	<i>Al-Mufassar</i>	166
4.5.3(a)(iv)	<i>Al-Muḥkam</i>	167
4.5.3(b)	Petunjuk Lafaz yang Samar	168
4.5.3(b)(i)	<i>Al-Khāfiy</i>	169
4.5.3(b)(ii)	<i>Al-Musykil</i>	170

4.5.3(b)(iii)	<i>Al- Mujmal</i>	171
4.5.3(b)(iv)	<i>Al-Mutasyābih</i>	172
4.5.4	Lafaz Diambil Kira dari Sudut Kaedah Petunjuk pada Makna	174
4.5.4(a)	<i>'Ibārat al-Naş</i>	174
4.5.4(b)	<i>Isyārat al-Naş</i>	175
4.5.4(c)	<i>Dilālat al-Naş</i>	179
4.5.4(d)	<i>Iqtidā' al-Naş</i>	180
4.6	Kesimpulan	182
 BAB 5: ANALISIS DAN APLIKASI KAEDAH UŞŪLIYYAT AL-LUGHAWIYYAT DALAM PENGANALISISAN DATA KAEDAH PENYELIDIKAN BERTERASKAN ISLAM		184
5.1	Pendahuluan	184
5.2	Analisis Kesesuaian Kaedah <i>Uşūliyyat al- Lughawiyyat</i> dalam Penganalisan Data Kualitatif KPBI	185
5.3	Analisis dan Aplikasi Bentuk-Bentuk Kaedah <i>Uşūliyyat al-Lughawiyyat</i> Sebagai Kaedah Analisis Data Kualitatif KPBI	191
5.3.1	Analisis dan Aplikasi Kedudukan Lafaz pada Makna	192
5.3.2	Analisis dan Aplikasi Penggunaan Lafaz pada Makna	200
5.3.3	Analisis dan Aplikasi Petunjuk Lafaz pada Makna	202
5.3.3(a)	Analisis dan Aplikasi Kaedah Kejelasan Petunjuk Lafaz dalam Penganalisan Data KPBI	203
5.3.3(b)	Analisis dan Aplikasi Kaedah Kesamaran Petunjuk Lafaz dalam Penganalisan Data KPBI	206
5.3.4	Analisis dan Aplikasi Kaedah Petunjuk Lafaz pada Makna	209
5.4	Pembinaan Kaedah <i>Uşūliyyat al-Lughawiyyat</i> Sebagai Kaedah Analisis Kajian Ayat-Ayat Hukum KPBI	212

5.4.1 Fasa Pra-Analisis	213
5.4.2 Fasa Analisis	215
5.4.3 Fasa Rumusan Analisis	216
5.5 Kekuatan Kaedah <i>Uşūliyyat al- Lughawiyyat</i> Sebagai Kaedah Analisis Data KPBI	219
5.5.1 Keyakinan yang Tinggi	220
5.5.2 Bersifat Holistik	221
5.5.3 Bersistematik	223
5.6 Kesimpulan	223
BAB 6: PENUTUP DAN KESIMPULAN	225
6.1 Pendahuluan	225
6.2 Penemuan Utama dan Rumusan Kajian	225
6.3 Implikasi Kajian	235
6.3.1 Implikasi Teoritikal	235
6.3.2 Implikasi Emperikal	236
6.4 Cadangan Dasar	236
6.5 Saranan Kajian Masa Hadapan	237
6.5.1 Subjek Kajian	237
6.5.2 Skop Analisis Kajian	238
6.6 Rumusan	238
BIBLIOGRAFI	240
SENARAI PENERBITAN	264

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Kolerasi Antara Objektif Kajian dengan Persoalan Kajian	28
Jadual 2.1	Rumusan Kaedah Analisis Data KPBI	59
Jadual 3.1	Korelasi Objektif Kajian, Persoalan Kajian dan Kaedah Penyelidikan	111
Jadual 5.1	Kaedah Penentuan Hukum <i>al-Muṭlaq</i> Kepada <i>al-Muqayyad</i>	194
Jadual 5.2	Analisis dan Aplikasi Kaedah <i>al-Khāṣ</i>	195
Jadual 5.3	Analisis dan Aplikasi Kaedah <i>al-'Amr</i> dan <i>al-Nahy</i>	196
Jadual 5.4	Bentuk Lafaz <i>al-'Ām</i>	197
Jadual 5.5	Analisis dan Aplikasi Bentuk Lafaz <i>al-'Ām</i>	198
Jadual 5.6	Analisis dan Aplikasi Kaedah <i>al-Musyarak</i>	199
Jadual 5.7	Rumusan Jenis-Jenis Penggunaan Lafaz pada Makna	201
Jadual 5.8	Analisis dan Aplikasi Penggunaan Lafaz pada Makna	202
Jadual 5.9	Analisis dan Aplikasi Kaedah Kejelasan Petunjuk Lafaz pada Makna	204
Jadual 5.10	Analisis dan Aplikasi Kaedah Kesamaran Petunjuk Lafaz pada Makna	208
Jadual 5.11	Aplikasi Kaedah Petunjuk Lafaz pada Makna	210
Jadual 6.1	Rumusan Objektif Kajian, Persoalan Kajian dan Hasil Kajian	237

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Kerangka Konseptual Kajian	92
Rajah 3.1 Empat Fasa Kaedah Penyelidikan	98
Rajah 4.1 Sejarah Perkembangan Kaedah Istinbat Hukum	170
Rajah 4.2 Bentuk- Bentuk Kaedah <i>Uşūliyyat al-Lughawiyyat</i>	138
Rajah 5.1 Aspek Kesesuaian Kaedah <i>Uşūliyyat al-Lughawiyyat</i> Sebagai Kaedah Analisis Data KPBI	187
Rajah 5.2 Pembinaan Kaedah <i>Uşūliyyat al-Lughawiyyat</i> Sebagai Kaedah Analisis Data Kajian Ayat-ayat Hukum KPBI	212
Rajah 5.3 Pembinaan Kaedah <i>Uşūliyyat al-Lughawiyyat</i> Sebagai Kaedah Analisis Data Kajian Undang-undang KPBI	217
Rajah 5.4 Pembinaan Kaedah <i>Uşūliyyat al-Lughawiyyat</i> Sebagai Kaedah Analisis Data KPBI	218

SENARAI SINGKATAN

Bil.	Bilangan
Cet.	Cetakan
Dlm.	Dalam
H	Hijrah
ISDEV	Centre For Islamic Development Management Studies (Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam)
Jld.	Jilid
KIAA	Kaedah Istinbat <i>Āyāt Ahkām</i>
KPBI	Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam
KPL	Kaedah Penyelidikan Lazim
M	Masihi
No.	Nombor
Samb.	Sambungan
SAW	Sallā Allah ‘alayh wa Sallām
SWT	Subhānah wa Ta‘ālā
terj.	Terjemahan
t.t.	Tanpa tahun
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UNISZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
Vol.	Volume

PANDUAN TRANSLITERASI

HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB
Ṭ	ط	-	ا
Z	ظ	B	ب
‘	ع	T	ت
Gh	غ	Th	ث
F	ف	J	ج
Q	ق	Ḥ	ح
K	ك	Kh	خ
L	ل	D	د
M	م	Dh	ذ
N	ن	R	ر
W	و	Z	ز
H	هـ	S	س
’	ء	Sy	ش
Y	ي	Ş	ص
Ṭ	ة	Ḍ	ض

PENDEK		PANJANG		DIFTONG	
A	اَ	Ā	آ	Ay	أَيَّ
I	اِ	Ī	إِي	Aw	أُو
U	اُ	Ū	أُو		

Sumber: *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1992)

**APLIKASI KAEDAH ISTINBAT *ĀYĀT AḤKĀM* DALAM
PENGANALISISAN DATA KAEDAH PENYELIDIKAN BERTERASKAN
ISLAM**

ABSTRAK

Penggunaan kaedah analisis data yang bersesuaian dengan objektif dan persoalan kajian amat penting dalam sesebuah penyelidikan. Aspek falsafah dan alat analisisnya perlu diambil kira sekiranya kajian yang dijalankan itu berkaitan Islam dan orang Islam. Hal ini disebabkan, epistemologi dan tasawur kaedah analisis data lazim adalah bertunjangkan falsafah Barat dan menggunakan akal semata-mata. Malah, dari sudut alat analisisnya juga, tidak mencapai tahap untuk menganalisis kajian berkaitan Islam dan orang Islam terutama yang berkaitan dengan permasalahan hukum. Dalam Islam, proses penyelesaian permasalahan dalam al-Qur'an mahupun Hadith adalah menggunakan pendekatan kaedah *uṣūliyyat al-lughawiyat* (kebahasaan). Berdasarkan permasalahan ini, maka seharusnya penyelidik menggunakan alternatif lain bagi menganalisis hukum berkaitan Islam dan orang Islam. Namun begitu, terdapat beberapa persoalan yang timbul berkenaan kaedah istinbat *ayāt aḥkām* (KIAA). Pertama, apakah pendekatan KIAA menurut Mazhab Ḥanāfiy? Kedua, bagaimanakah kaedah *uṣūliyyat al-lughawiyat* diaplikasikan sebagai kaedah analisis data kualitatif dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam (KPBI)? Ketiga, apakah kekuatan kaedah *uṣūliyyat al-lughawiyat* bagi penganalisan data KPBI? Berdasarkan persoalan-persoalan tersebut, kajian ini cuba mengenal pasti pendekatan KIAA yang terdapat dalam ilmu *uṣūl al-fiqh*. Kajian ini dilakukan bagi mencapai tiga objektif. Pertama, mengenal pasti latar belakang KIAA; kedua, menganalisis kesesuaian

pendekatan kaedah *uṣūliyyat al-lughawīyyat* sebagai kaedah analisis data kualitatif KPBI; dan ketiga merumuskan aplikasi kaedah *uṣūliyyat al-lughawīyyat* sebagai kaedah analisis data dalam KPBI. Kajian ini merupakan kajian dokumen yang menggunakan proses penfatwaan sebagai reka bentuk kajian. Oleh itu, semua dokumen berkaitan kaedah *uṣūliyyat al-lughawīyyat*, kaedah analisis data KPL dan KPBI dianalisis menggunakan kaedah analisis *dilālat manṭūq* dan *mafḥūm*. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat empat bentuk kaedah *uṣūliyyat al-lughawīyyat* yang perlu diambil kira dalam merumuskan sesuatu hukum. Pertama, kedudukan lafaz pada makna yang mengandungi empat jenis iaitu *al-khāṣ*, *al-‘ām*, dan *al-musytarak*; Kedua, penggunaan lafaz pada makna, juga mengandungi tiga jenis iaitu *al-ḥaqīqat*, *al-majāz*, *al-ṣariḥ* dan *al-kināyat*; Ketiga, petunjuk lafaz pada makna dari sudut kejelasan makna terbahagi kepada empat jenis iaitu *al-zāhir*, *al-naṣ*, *al-mufassar* dan *al-muḥkam*, manakala dari sudut kesamaran makna juga terbahagi kepada empat jenis juga iaitu *al-khāfiy*, *al-musykil*, *al-mujmal* dan *al-mutasyābih*; Keempat, kaedah petunjuk lafaz pada makna terbahagi kepada empat jenis iaitu *‘ibarat al-naṣ*, *isyarat al-naṣ*, *dilālat al-naṣ* and *iqtiḍā’ al-naṣ*. Setelah kaedah *uṣūliyyat al-lughawīyyat* ini dianalisis, maka terhasillah tiga fasa dalam analisis data ayat-ayat hukum menggunakan kaedah *usuliyyat al-lughawīyyat*. Fasa pertama iaitu fasa pra-analisis yang tertumpu kepada tiga perkara; pertama, mengenal pasti kedudukan lafaz pada makna; Kedua, mengenal pasti penggunaan lafaz pada makna; dan ketiga, mengenal pasti petunjuk lafaz pada makna. Fasa kedua pula terdiri daripada fasa analisis iaitu menggunakan kaedah petunjuk lafaz pada makna. Seterusnya fasa ketiga ialah fasa rumusan analisis iaitu menyelidik merumuskan hasil analisis berdasarkan kaedah petunjuk lafaz pada makna. Tiga fasa analisis ini sesuai digunakan bagi kajian-kajian hukum berkaitan Islam dan orang Islam. Walau bagaimanapun, bagi kajian selain

daripada hukum, maka penyelidik hanya perlu menggunakan kaedah analisis petunjuk lafaz pada makna. Oleh itu didapati, kaedah *uṣūliyyat al-lughawīyyat* menghasilkan tiga kekuatan sebagai kaedah analisis data iaitu keyakinan yang tinggi, bersifat holistik dan bersistematik. Justeru, kaedah *uṣūliyyat al-lughawīyyat* sebagai kaedah analisis data ini memberi implikasi dari sudut penggunaannya yang bukan hanya tertumpu kepada kaedah analisis hukum nas al-Qur'an dan Hadith sahaja.

**APPLYING THE METHOD OF *ISTINBAT* IN *AḤKĀM* VERSES FOR DATA
ANALYSIS AS A RESEARCH METHODOLOGY
BASED ON ISLAM**

ABSTRACT

The use of data analysis as a method is appropriate with the research objectives and questions, which is important in any research. The aspect of philosophy and analysis tool ought to be taken into consideration if the conducted research is related to Islam and the Muslims. This is due to the fact that epistemology and worldview (*tasawur*) of data analysis as a method are rooted in Western philosophy and uses only rational. In fact, an observation on its analytical tool reveals insufficiency when conducting an analysis research in relation to Islam and the Muslims, especially those concerning legal problems. In Islam, the process of solving problems in the Quran or Hadith involves the use of *istinbat* methodology of *uṣūliyyat al-lughawiyyat* (language). Based on this problems, the researcher decided to consider other alternatives in order to analyse laws regarding Islam and the Muslims. Nonetheless, there are several questions that came to mind which are related to the method of *istinbat* in *ayāt aḥkām* (legal verses) (KIAA). First, what is the approach of KIAA from the perspectives of Hanafi scholars? Second, how was the method of *uṣūliyyat al-lughawiyyat* applied as an analysis method for qualitative data in an Islamic-based research methodology (KPBI)? Third, what are the strengths of using *uṣūliyyat al-lughawiyyat* as a method to analyse KPBI data? Based on these aforementioned questions, this research aimed to identify the approach of KIAA which is observed in the knowledge of *uṣūl al-fiqh*. This research was carried out to achieve three objectives. First, to identify the background of KIAA; second, to analyse the

appropriateness of using the method of *uṣūliyyat al-lughawiyyat* as a method to analyse KPBI data; and third, to formulate the application of *uṣūliyyat al-lughawiyyat* as a method of data analysis in KPBI. This research is a documentation study which used the process of making fatwa (penfatwaan) as the research design. As such, related documents on *uṣūliyyat al-lughawiyyat* method, method of data analysis for KPL and KPBI were scrutinized using analytical method of *dilālat manṭūq* and *mafḥūm*. Findings reveal that there are four types of *uṣūliyyat al-lughawiyyat* method, which need to be taken into consideration when formulating a law. First, the positioning of utterance for each meaning, which are made up of three types – *khāṣ*, *al-‘ām*, and *al-musytarak*; second, the use of utterance for each meaning, is also made up of three – *al-ḥaqīqat*, *al-majāz*, *al-ṣariḥ* and *al-kināyat*; third, the indicator of utterance for each meaning in the aspect of meaning clarity are divided into four – *al-zāhir*, *al-naṣ*, *al-mufassar* and *al-muḥkam*, while from the aspect of meaning vagueness is also divided into four – *al-khāfiy*, *al-musykil*, *al-mujmal* dan *al-mutasyābih*; four, the method of utterance indicator for used meaning is divided into four types – *‘ibārat al-naṣ*, *isyārat al-naṣ*, *dilālat al-naṣ* and *iqtidā’ al-naṣ*. After analysing the method of *uṣūliyyat al-lughawiyyat*, it was observed that there were three phases in the legal verses data analysis during the process. The first phase, which is the pre-analysis focused on three aspects – first, to identify the positioning of utterance for meaning; second, to use the positioning of utterance for meaning; and third, to identify the indicator for utterance for meaning. Second phase, on the other hand, comprises of analytical phase, which used the method of utterance indicator for meaning. In the third phase is formulating analysis where the researcher formulated findings based on the method of utterance indicator for meaning. These three phases is deemed to be appropriate for any research on law related to Islam and Muslims. Nonetheless, for research that is not related to

laws, the researcher was only required to use the analytical method of utterance indicator for meaning. Therefore, it is found that the method of *uṣūliyyat al-lughawiyyat* produced three strengths which are high confidence level, holistic in nature and systematic. In short, the method of *uṣūliyyat al-lughawiyyat* as an analytical method implicates from the aspect of usage which did not only focused on the analytical method for dalil in the Quran and Hadith.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Secara umum, kajian ini bertujuan mengkaji pengaplikasian kaedah istinbat (kaedah mengeluarkan hukum) *āyāt aḥkām* (ayat-ayat hukum) dalam penganalisan data kaedah penyelidikan berteraskan Islam (KPBI). Secara lebih khusus, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis pendekatan kaedah istinbat *āyāt aḥkām* (KIAA) iaitu kaedah *uṣūliyyat al-lughawiyyat* untuk diaplikasikan dalam penganalisan data KPBI. Kaedah *uṣūliyyat al-lughawiyyat* ini dianalisis untuk dijadikan sebagai salah satu kaedah penganalisan data dalam KPBI. Akhirnya, kaedah *uṣūliyyat al-lughawiyyat* dirumuskan untuk membentuk kaedah penganalisan data KPBI yang boleh digunakan dalam menjalankan penyelidikan berkaitan Islam dan orang Islam. Sebagai pengenalan kajian, bab ini menghuraikan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, kepentingan kajian, sumbangan kajian dan susunan organisasi tesis.

1.2 Latar Belakang Kajian

Secara umum, penyelidikan adalah untuk menambah baik pelbagai aspek berkaitan manusia dan kemanusiaan dalam menjamin kehidupan sehingga generasi akan datang (Abdul Munawwar Ismail & Mohd Nor Shanizan Ali, 2014:13). Permasalahan yang dihadapi manusia menyebabkan manusia mencari kaedah penyelesaian yang bersesuaian dari semasa ke semasa bagi memperbaiki kehidupan mereka (Rohana Yusof, 2003:2).

Secara khususnya, penyelidikan diertikan sebagai mencari sesuatu yang sedia ada bagi mendapatkan penjelasan, penelitian dan perincian semula. Justeru, penyelidikan bukanlah sesuatu yang baru, tetapi melibatkan juga proses penjelasan atau pengubahsuaian terhadap sesuatu penemuan atau teori sedia ada (Ahmad Sunawari Long, 2009:1).

Penyelidikan adalah proses untuk mencari dan mendapat ilmu pengetahuan. Ia merupakan usaha yang sistematik¹ dan saintifik² bagi menjawab persoalan yang berbangkit dan berfungsi bagi meningkatkan ilmu pengetahuan (Rohana Yusof, 2003:3). Penyelidikan juga merupakan suatu cara ilmiah bagi mendapatkan data sesuatu isu atau masalah dengan tujuan yang tertentu (Ghazali Darulsalam dan Sufean Hussin, 2016:12) secara hakikatnya sudah dikenal pasti (Ahmad Mahdzan Ayob, 1992:3). Selain itu, proses penyelidikan adalah mencari kebenaran dan pembuktian terhadap perkara-perkara yang baru dikaji dan yang ingin dibuktikan oleh penyelidik (Azhar Harun & Nawi Abdullah, 2004:1).

¹ Rohana Yusof (2003:3), menegaskan bahawa langkah yang sistematik adalah elemen yang terpenting dalam konsep asas penyelidikan. Sekiranya tidak mengikut langkah yang sistematik, maka sesuatu kajian tersebut tidak membawa makna yang berkesan. Penyelidikan juga merupakan suatu aktiviti yang tersusun, sistematik, berdasarkan data, kritikal dan penyiasatan yang saintifik kepada masalah yang khusus yang bertujuan mendapatkan jawapan atau penyelesaian kepada masalah berkenaan.

² Setiap penyelidikan haruslah bersifat saintifik iaitu segala perkara yang disampaikan atau dibincangkan perlulah dibuktikan secara sistematik. Lazimnya proses pembuktian menggunakan dua kaedah iaitu kaedah induktif dan kaedah deduktif. Pembuktian melalui kaedah induktif bermaksud pengkaji akan membuat hipotesis atau rumusan berdasarkan cerapan yang telah dilakukan. Sebaliknya dalam pembuktian melalui kaedah deduktif pula, pengkaji akan cuba mengumpulkan maklumat dan fakta yang sesuai untuk menentukan sama ada hipotesis yang telah dibina sebelum ini benar atau tidak (Mohd Azhar Abd Hamid, 2001:75). Perkara yang paling utama dari perspektif saintifik ini adalah ciri empirikal. Ciri empirikal ini memastikan sesuatu piawaian terhadap kajian mesti dilakukan oleh penyelidik. Piawaian ini memastikan satu set peraturan yang boleh menunjukkan secara telus sesuatu dapatan atau penemuan kajian diperolehi (Othman Mohamed, 2001:6; Abdul Rahman Abdullah, 2002:150).

Jelas di sini bahawa penyelidikan merupakan satu proses sistematik yang mempunyai kaedah-kaedah yang tertentu bagi menjawab segala permasalahan dan ketidakpastian yang timbul. Maka, penyelidikan amat penting kerana ia adalah satu prosedur yang sistematik bagi menambah ilmu pengetahuan dan membuktikan kebenaran setiap perkara yang dikaji. Kaedah penyelidikan yang kebiasaanya digunakan dahulu hingga kini bagi kajian berkaitan Islam dan orang Islam ialah KPL yang bertunjangkan epistemologi dan tasawur Barat. Namun dalam Islam, telah wujud kajian-kajian aplikasi ilmu-ilmu Islam sebagai salah satu metodologi kaedah penyelidikan yang bersumberkan epistemologi dan tasawur Islam. Kaedah penyelidikan tersebut dikenali sebagai KPBI.

Seterusnya, perbincangan lanjut berkaitan latar belakang kajian ini menumpukan kepada kaedah analisis data KPL, KPBI, dan KIAA dalam sub-topik 1.2.1, 1.2.2 dan 1.2.3.

1.2.1 Kaedah Analisis Data Kaedah Penyelidikan Lazim

Menurut Othman Mohamed (2001:7), terdapat tiga pendekatan metodologi dalam KPL iaitu dengan menggunakan pendekatan secara kuantitatif³ atau pendekatan

³ Kaedah kuantitatif ialah kaedah yang beroperasi menggunakan data-data, variabel dan statistik, perancangan operasi yang detail, spesifik dan fokus, penulisan mengenai kajian lepas yang menyeluruh, serta menggunakan sampel yang banyak dengan pemilihan secara rawak (Bogdan, 1992). Penyelidikan kuantitatif melibatkan pengumpulan data supaya maklumat boleh diukur dan tertakluk kepada statistik untuk menyokong atau menafikan data tersebut (Creswell, 2003:153). Pendekatan penyelidikan kuantitatif adalah penyelidikan yang memberi penekanan kepada nombor dan angka dalam pengumpulan dan analisis data. Pendekatan kuantitatif secara imperatif dapat dilihat sebagai bersifat saintifik. Penggunaan data statistik untuk penerangan dan analisis penyelidikan mengurangkan masa dan usaha yang telah dilaburkan oleh penyelidik untuk menerangkan hasilnya. Data (nombor, peratusan dan angka yang boleh diukur) boleh dikira dan dijalankan oleh komputer melalui penggunaan pakej statistik untuk sains sosial (SPSS) (Bryman, 2001:20).

kualitatif⁴ atau pendekatan kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif⁵ (Creswel, 2009:4). Setiap penyelidikan memerlukan penyelidiknya menggunakan suatu reka bentuk yang kukuh bersesuaian dengan matlamat kajian yang hendak dicapai. Di samping itu, penyelidik juga sudah pastinya telah membuat pemilihan mengumpul dan menganalisis data tersebut sama ada menggunakan cara kuantitatif atau kualitatif atau kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif (Othman Mohamed, 2001:7). Terdapat tiga komponen yang asas dalam KPL iaitu reka bentuk kajian⁶, kaedah pengumpulan data⁷

⁴ Menurut Denzin (2008:321), kaedah kualitatif pula dikenali sebagai 'sains perkataan'. Ia sangat bergantung pada perkataan atau cerita yang disampaikan oleh orang kepada kita sebagai penyelidik. Oleh itu, pendekatan pentafsiran dan fleksibel perlu disebabkan tumpuan penyelidikan kualitatif ialah terhadap makna dan pentafsiran. Begitu juga pendapat Bryman (2008) bahawa kajian kualitatif adalah strategi kajian yang lazimnya menekankan kepada 'verbatim' atau perkataan berbanding pengiraan data yang dikumpul dan dianalisis. Manakala menurut Bogdan dan Taylor (1975), kaedah kualitatif ialah prosedur penyelidikan yang menghasilkan data deskriptif, iaitu maklumat dalam bentuk tulisan, perkataan dan pemerhatian yang dihasilkan oleh penyelidik sendiri. Sikap seseorang penyelidik dalam penyelidikan bercorak kualitatif haruslah lebih cenderung menghargai dan memahami sesuatu perlakuan daripada cuba membaiki dan membentuk semula sesuatu yang telah berlaku. Ghazali Darulsalam dan Sufean Hussin (2016:385) menyatakan bahawa kaedah kualitatif adalah salah satu daripada teknik penyelidikan konvensional yang kebiasaannya menjadi pilihan oleh para penyelidik selain kaedah kuantitatif. Penyelidikan kualitatif adalah bersifat naratif dan deskriptif yang ditulis secara perkataan, ayat demi ayat tanpa penggunaan unsur-unsur statistik. Semua perkara atau benda dalam dunia ini tidak semestinya bersifat material (benda) yang memerlukan kuantiti (sains). Sebaliknya terdapat juga elemen-elemen yang bercirikan sentimental atau berbentuk gagasan yang hanya boleh diungkapkan melalui kata-kata khususnya yang melibatkan aspek-aspek perasaan dan disiplin-disiplin ilmu dalam sains sosial seperti; sastera, sejarah, agama, budaya, bangsa dan sebagainya yang sesuai digunakan dalam kajian kualitatif.

⁵ Menurut Creswell (2009:4), kaedah gabungan (*mixed- methods*) dikenali sebagai penyelidikan yang menggabungkan kuantitatif dan kualitatif iaitu satu kaedah pengumpulan data yang dibuat melalui soal selidik, temu bual, pemerhatian dan semakan dokumen atau sebagai satu kajian yang melibatkan pengutipan dan penganalisisan data melalui kombinasi kedua-dua kaedah kuantitatif dan kualitatif secara serentak dalam satu kajian. Kaedah gabungan ini sudah lama digunakan, namun menggabungkannya dalam satu reka bentuk kajian adalah satu pendekatan yang baharu. Setiap kaedah penyelidikan mempunyai pendekatan yang tersendiri.

⁶ Yin (1989) berpendapat bahawa bentuk merupakan urutan logikal yang mengaitkan data empirikal dengan soalan kajian dan seterusnya kesimpulan kajian. Menurut Othman Lebar (2017:68), reka bentuk merupakan perancangan untuk menjalankan penyelidikan. Perancangan dalam penyelidikan kualitatif lebih longgar jika dibandingkan dengan kuantitatif. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna reka bentuk kualitatif tidak ada atau tidak wujud, malah reka bentuk itu adalah fleksibel mengikut andaian persoalan kajian.

⁷ Kualiti sesebuah kajian yang dijalankan boleh dipengaruhi oleh proses pengumpulan data. Oleh itu, penyelidik perlu mengenalpasti prosedur pengumpulan data yang selari dengan objektif kajian. Pengumpulan data yang efektif memerlukan perancangan yang teliti daripada pembentukan borang pengumpulan data hingga ke proses kemasukan data itu sendiri. Pelbagai prosedur boleh dilakukan oleh penyelidik untuk mengumpul data sesebuah kajian. Antara prosedur yang boleh digunakan adalah

dan kaedah analisis data⁸. Bagi setiap penyelidikan, perlu melengkapi setiap komponen tersebut supaya dapat menghasilkan satu kajian yang sempurna dengan mengikut segala kaedah yang telah ditetapkan dalam setiap komponen tersebut.

Oleh itu, setiap penyelidikan mempunyai kaedah-kaedahnyanya yang tertentu. Kaedah yang mendominasi bagi setiap penyelidikan yang dilakukan dari dahulu hingga kini dikenali sebagai KPL. Walaupun terdapat tiga komponen dalam KPL, perbincangan seterusnya hanya tertumpu kepada kaedah analisis data kualitatif. Kaedah analisis data kualitatif dibincangkan adalah berdasarkan kebanyakan kajian-kajian keIslaman menggunakan kaedah analisis kualitatif berbanding kaedah analisis data kuantitatif.

Analisis data ialah proses menghuraikan masalah kajian berasaskan persoalan kajian dengan tujuan menjelaskan objektif yang dinyatakan. Oleh itu, sebelum analisis data dibuat, penyelidik mestilah mempunyai tujuan bagi sesuatu penyelidikan itu dibuat. Tujuannya adalah untuk menjawab semua soalan kajian yang telah ditetapkan (Idris Awang, 2009:94; Bhasah Abu Bakar, 2007:1). Justeru, kaedah penganalisan data kualitatif boleh digunakan dalam pelbagai bentuk mengikut kesesuaian pengkajian dan objektif kajian. Bagi sesuatu penyelidikan, data yang telah dikumpul daripada responden amat perlu disediakan bagi tujuan analisis. Perbincangan yang mendalam dan bernas berhubung dengan hasil kajian hanya dapat diperkukuhkan jika data yang dikumpul itu dianalisis secara jitu dan terperinci.

pemerhatian, soal selidik, temubual, kumpulan perbincangan berfokus dan kajian kes (Rozumah Baharudin & Nor Sheereen Zulkefly, 2006:86).

⁸ Kaedah analisis data ialah satu proses penyelidik meneliti data secara keseluruhannya dan juga berasingan dengan bantuan teknik-teknik statistik atau pendekatan kualitatif yang bersesuaian, bergantung kepada jenis maklumat atau data serta pendekatan yang digunakan (Noraini Idris, 2010:11).

Dalam menganalisis sesuatu data yang berbentuk teks, penyelidikan yang berbentuk kualitatif adalah yang paling sesuai digunakan. Hal ini kerana, penyelidikan kualitatif dilaksanakan dalam bidang sains sosial untuk memahami fenomena dan kebudayaan sosial (Myers, 1997:241-242) dan kajian yang melibatkan keagamaan (Ghazali Darulsalam & Sufean Hussin, 2016:385). Kepentingan penyelidikan kualitatif adalah melalui penghuraian data dalam bentuk teks. Pengkaji dapat memahami secara mendalam tentang fenomena kajian. Hal ini kerana tingkah laku dan emosi manusia, ciri-ciri dan situasi-situasi persekitaran sukar difahami sepenuhnya dengan hanya menggunakan angka-angka.

Sesuatu data tidak akan memberikan sebarang maklumat yang berguna mengenai sesuatu masalah yang dikaji sekiranya tidak dianalisis dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu (Mohd Majid Konting, 1990:309). Menurut Chua (2006:47), analisis data kualitatif perlu dilakukan secara sistematik. Walau bagaimanapun, pengkaji mungkin mempunyai cara menganalisis data yang berbeza. Sebenarnya tidak ada satu kaedah menganalisis data kualitatif yang diterima sebulat suara oleh semua penyelidik. Kaedah inilah yang mengakibatkan hasil kajian kualitatif sering dipertikai kesahan dan kebolehpercayaannya.

Terdapat beberapa jenis kaedah analisis data yang yang biasa digunakan dalam penyelidikan kualitatif iaitu analisis kandungan⁹, analisis tema¹⁰, analisis naratif¹¹, analisis wacana¹² dan analisis semiotik¹³ (Liamputtong, 2009:469; Babbie & Rubin, 2014:460, Sekaran & Bougie, 2013:302), analisis tekstual¹⁴ dan analisis hermeneutik¹⁵ (Chua, 2006:47-49). Huraian terperinci berkaitan kaedah-kaedah analisis data kualitatif (KPL) adalah dalam sub-topik 2.4.1.

Analisis data secara kaedah manual banyak digunakan oleh pengkaji. Data yang berasaskan teks seperti transkrip temu bual, nota lapangan daripada pemerhatian, dokumen-dokumen berkaitan, sama ada rasmi mahupun peribadi dan nota pengkaji perlu diurus dengan sistematik supaya boleh dianalisis. Data-data dianalisis mengikut

⁹ Kaedah analisis kandungan merujuk kepada kandungan teks seperti perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema atau apa-apa sahaja yang telah dikomunikasikan (Creswell, 2009). Menurut Silverman (2001), terdapat beberapa langkah dalam menjalankan analisis kandungan iaitu; pertama, membentuk kategori sebelum mencarinya dalam data. Kedua, memilih sampel yang perlu dikategorikan; dan ketiga, merekod secara sistematik atau mengira bilangan kategori tersebut ditemui.

¹⁰ Menurut Grbich (2007:16), analisis tema ialah satu proses pengkategorian dan penghubung kepada aspek data utama dengan pentafsiran yang terakhir. Bagi Matthews dan Ross (2008:373) pula, analisis tema ialah satu proses berkaitan dengan data mentah untuk mengenal pasti dan menganalisis idea-idea dan tema-tema utama.

¹¹ Analisis naratif digunakan untuk menganalisis cerita peserta kajian dan kemudian diceritakan semula dalam satu rangka yang mudah difahami oleh pembaca (Gibbs, 2007:63).

¹² Menurut Matthews dan Ross (2007:391), analisis wacana ialah proses menganalisis suatu teks sama ada yang berbentuk ucapan atau bertulis dalam apa jua bentuk penyampaian. Malah analisis wacana boleh diaplikasikan dalam bentuk perbualan, surat, e-mel, program televisyen, dokumen, arkib dan sebagainya.

¹³ Semiotik adalah kajian mengenai simbol, sistem simbol dan maknanya (Grbich, 2007:170) atau kajian sains simbol (Babbie, 2016: 385).

¹⁴ Analisis tekstual merupakan satu proses membuat tekaan yang secara akademik terhadap sebahagian daripada sebahagian besar tafsiran yang boleh dibuat kepada mana-mana teks. Teks tersebut terdiri daripada filem, pogram televisyen, iklan, surat khabar, majalah dan sebagainya (Mckee, 1: 2003).

¹⁵ Kaedah analisis hermeneutik mengutamakan maksud teks daripada responden bukan melihat maksud teks tersebut secara objektif. Penghuraian data berdasarkan hermeneutikal merupakan satu cara menjelaskan, memberi maksud kepada suatu objek di bawah sesuatu kajian yang dilakukan. Objek tersebut mestilah suatu teks atau teks analog yang mengelirukan, tidak lengkap dan kurang jelas. Oleh itu, penghuraian data kajian bertujuan memberi kefahaman yang jelas kepada teks yang mengelirukan (Chua, 2006:49).

komponen-komponen tertentu seperti komponen pengumpulan, penguncupan, pengolahan dan kesimpulan. Pada peringkat pengumpulan, semua data dikumpulkan dari pelbagai sumber. Peringkat penguncupan data akan berlaku sekiranya data-data yang sama digabungkan dan dipilih secara berhati-hati. Selepas itu barulah data-data boleh diolah dan diorganisasikan semula untuk menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Akhir sekali data dapat dirumuskan sebagai kesimpulan kajian (Noraini Idris, 2010:492).

Walaupun terdapat kepelbagaian kaedah menganalisis data kualitatif dalam KPL, namun terdapat kekurangan yang telah dikenal pasti sekiranya kaedah analisis data ini digunakan bagi kajian Islam dan orang Islam sepertimana dalam perbincangan sub-topik 2.4.2. Selain KPL, terdapat kaedah penyelidikan khusus yang menggunakan ilmu-ilmu Islam sebagai penyelesaian kepada kajian-kajian yang berkaitan Islam dan orang Islam iaitu KPBI. Oleh itu, dalam sub-topik 1.2.2 penyelidik menjelaskan secara umum KPBI.

1.2.2 Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam

Setelah pengkaji menjelaskan secara umum berkaitan KPL, maka seterusnya pengkaji akan membincangkan mengenai KPBI. KPBI mempunyai tasawur dan epistemologinya yang tersendiri dan amat sesuai sekiranya digunakan oleh pengkaji-pengkaji masa kini. Selain itu juga, KPBI juga mempunyai tiga komponen penting sepertimana dalam KPL. Komponen tersebut terdiri daripada reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Asas KPBI telah wujud berabad lamanya. Contohnya, kaedah-kaedah yang terdapat dalam ilmu *uṣūl al-fiqh*, fiqh, tafsir, mantiq, Hadith dan qiraat telah diaplikasikan sebagai salah satu komponen

KPBI. Kaedah-kaedah ilmu Islam ini telah digunakan oleh ulama-ulama terdahulu dalam mengumpul dan menganalisis sesuatu teks. Akan tetapi kaedah ini masih lagi tidak diterapkan dalam kajian-kajian berkaitan Islam dan orang Islam pada masa kini. Hal ini disebabkan, kaedah penyelidikan yang dominan pada masa kini ialah KPL yang didominasi oleh Barat.

Menurut Muhammad Syukri Salleh (2003), usaha mencari dan membina KPBI ini adalah sangat menarik kerana KPBI adalah berasaskan wahyu Allah SWT, Sunnah Rasulullah SAW, ijmak dan qias. Menurut Louay Safi (2006:216), KPBI ialah sebuah metodologi ilmiah alternatif untuk mengkaji ilmu sosial yang menyatupadukan kaedah penyelidikan Muslim klasik dengan kaedah penyelidikan Barat moden selaras dengan kehendak Islam. Metodologi tersebut berasaskan empat ciri utama iaitu pertama, kesimpulan akhir kajian yang dibuat mengambil kira kelompok sosial yang belum diuji perilakunya; kedua, menggabungkan perspektif tindakan teori dengan sistem teori untuk mengelakkan pendekatan sistem teori yang statik sahaja; ketiga, menghindari pembebasan dalam kajian kerana melibatkan kerangka daripada sumber wahyu; dan keempat, menerangkan segala bentuk etika dan realiti kejadian.

Dalam Islam, penyelidikan merupakan instrumen penting ke arah mengukur dan mengimbangi ketidakseimbangan yang mungkin berlaku terhadap masyarakat Islam kesan daripada penerimaan pelbagai pengaruh yang wujud dalam persekitaran (Abdul Munawwar Ismail & Mohd Nor Shanizan Ali, 2014:13). Penyelidikan dalam Islam bukan satu perkara yang baru. Saranan dan kepentingannya telah disebut berulang kali dalam al-Qur'an dan Hadith Rasulullah SAW. Misalnya, firman Allah SWT yang bermaksud:

“Katakanlah: Berjalanlah di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang mendustakan itu” (al-’An‘ām, 6:11).

Menurut Ibn Kathīr (1970:8-9), ayat ini merupakan perintah Allah SWT agar berfikir dan menghayati apa yang telah ditimpakan Allah SWT kepada generasi yang terdahulu yang telah mendustakan dan mengingkari para Rasul-Nya seperti azab, siksaan dan hukuman di dunia dan juga azab yang pedih di Akhirat.

Dapat difahami di sini bahawa galakkan supaya berfikir dan menghayati sesuatu perkara itu sangat dituntut dalam Islam. Oleh itu, bagi menjalankan sesuatu penyelidikan, maka perlu berfikir dan menghayati sesuatu perkara dengan telus dan mendalam. Oleh itu, setiap pengkaji Muslim perlu memanfaatkan ilmu yang ada untuk disebarkan kepada masyarakat supaya dapat menyelesaikan permasalahan yang ada mengikut kaca mata Islam.

Menurut Abdul Munawwar Ismail dan Mohd Nor Shanizan Ali (2014:13), kaedah penyelidikan Islam adalah suatu konsep yang baru dibentuk sebagai satu disiplin ilmu. Penyelidikan dalam Islam merupakan satu proses mencari jawapan kepada suatu persoalan sebagai satu penyelesaian yang tepat dan benar kepada suatu masalah walaupun bukanlah suatu yang bersifat muktamad. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Tentang sesuatu apa pun kamu berselisih maka keputusannya terserah kepada Allah. yang mempunyai sifat-sifat demikian itulah Allah Tuhanku. kepada-Nyalah aku bertawakal dan kepada-Nyalah aku kembali” (al-Syūrā, 42:10).

Menurut al-Ṭabariy (2009:131), ayat 10 Surah al-Syūrā menjelaskan bahawa sesungguhnya Allah SWT yang memutuskan dan menetapkan sesuatu hukum mengenai sesuatu perkara yang diperselisihkan. Hal ini bermakna, setiap sesuatu perkara yang diperselisihkan maka perlu kembali kepada Allah dengan merujuk wahyu al-Qur'an mahupun Hadith. Semua bentuk perbahasan, penyelidikan dan juga perselisihan mestilah bertujuan untuk mendapatkan kebenaran supaya penyeldiidkan yang dilakukan tidak sia-sia (Abdul Munawwar Ismail dan Mohd Nor Shanizan Ali, 2014:18).

Menurut Louay Safi (1998:198-200), wahyu tidak dapat disisihkan daripada sekumpulan ilmu kerana ia merupakan dasar pokoknya. Hal ini tidak dapat dinafikan terutama dalam penyelidikan ilmiah bidang ilmu-ilmu sosial atau ilmu-ilmu manusia. Menurutnya lagi, dalam tradisi keilmuan Muslim klasik, wahyu sentiasa diakui sebagai sumber ilmu pengetahuan, namun ia tidak dianggap sebagai satu-satunya sumber. Para ilmuan Muslim pada masa itu telah memahami seluruh sifat wacana wahyu iaitu al-Qur'an. Mereka menyedari bahawa untuk menetapkan kaedah-kaedah berdasarkan wahyu, mereka harus mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai struktur bahasa dan realiti sekali gus kerana istilah *qarīnat lafziyyat* (bukti pengucapan) dan *qarīnat ḥāliyyat* (bukti kewujudan) sering digunakan para ilmuwan Muslim ketika menggunakan pengetahuan bahasa dan praktikal untuk menjelaskan teks wahyu itu.

Abdul Munawwar Ismail dan Mohd Nor Shanizan Ali (2014:18) menyatakan skop penyelidikan dalam Islam adalah sangat luas meliputi aspek-aspek agama, manusia dan hubungannya dengan kehidupan secara keseluruhannya. Tujuannya jelas

iaitu untuk memperoleh kebenaran melalui prosedur penyelesaian yang sistematis yang selari dengan kehendak Allah SWT yang menciptakan manusia dan hala tuju manusia di muka bumi ini. Namun begitu, Islam mempunyai jalan yang berbeza dengan apa-apa yang dinyatakan dalam kaedah penyelidikan lazim. Al-Qur'an dan Hadith merupakan sumber utama dalam Islam. Penggunaan ini secara langsung memperlihatkan ilmu Islam tidak hanya disokong dengan akal dan logik semata-mata, bahkan dikuatkan dengan wahyu Allah SWT.

Menurut Abdul Rahman Abdullah (2005:159), dengan berpandukan wahyu ini tidak bermakna sumber-sumber lain diketepikan sama sekali. Ajaran al-Qur'an, baik sumber rasional¹⁶ mahupun sumber empirikal¹⁷ tetap dipandang penting. Sungguhpun sumber-sumber rasional dan empirikal ini sangat penting, namun tarafnya tetaplah di bawah sumber wahyu yang merupakan autoriti yang tertinggi. Dalam sistem klasifikasi ilmu Islam, ilmu-ilmu yang berteraskan wahyu (*revealed sciences*) itu berada pada martabat lebih utama berbanding ilmu-ilmu akal (*rational sciences*).

Namun, Abdul Rahman Abdullah (2002) menegaskan suatu perkara yang harus menjadi perhatian di sini ialah dari segi ontologinya (cabang ilmu falsafah dan metafizik yang berkaitan fitrah manusia). Doktrin Islam mewajibkan agar merujuk kepada sumber wahyu atau nas-nas al-Qur'an dan Hadith dalam persoalan akidah, ibadah, akhlak dan hukum-hukum yang mempunyai dalil-dalil *qaṭ'ī*. Sedangkan dalam

¹⁶ Al-Qur'an berulang-ulang menuntut agar menggunakan akal sehingga kata-kata yang berasal daripada “*aqala*” sendiri terdapat lebih daripada 45 ayat. Sedangkan gesaan agar menggunakan fikiran (*tafakkara*) disebut sebanyak 16 kali dalam ayat-ayat al-Qur'an (Abdul Rahman Abdullah, 2002:159).

¹⁷ Sumber empirikal juga banyak disebutkan dalam al-Qur'an bersama-sama dengan sumber rasional. Antaranya ialah Surah al-Nahl (16:78), Surah al-Isrā' (17:36), Surah al-A'raf (7:179), Surah al-Mulk (67:10-11) (Abdul Rahman Abdullah, 2002:159).

urusan hukum-hakam yang hanya mempunyai dalil-dalil *zanni* serta urusan kehidupan lainnya, dibolehkan menggunakan akal atau pengalaman indera untuk menyelesaikannya.

Oleh itu, dalam menyelesaikan masalah tersebut, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia telah mengambil inisiatif dengan menjalankan kajian berkaitan ilmu-ilmu Islam dihubungkan dengan kaedah penyelidikan supaya dapat membina KPBI. Misalnya, kajian yang telah dilakukan ialah kajian Shahir Akram Hassan (2010) berkaitan kaedah pengumpulan Hadith sebagai satu kaedah pengumpulan data; Nur Ilani Mat Nawi (2012) yang mengkaji pengaplikasian algebra dalam KPBI; Shahir Akram Hassan (2014) mengkaji berkaitan penggunaan kaedah logik Islam iaitu kaedah mantik dalam KPBI, Mohd Syahmir Alias (2014) mengkaji berkaitan konsep saintifik dalam KPBI berdasarkan analisis pemikiran Ibn al-Haytham, Mohd Syahmi Mohd Miswan (2014) mengkaji mengenai kaedah *dilalat* dalam KPBI, dan Nur Hanani Ismail (2015) mengkaji berkaitan kaedah *naqd Hadith* sebagai kaedah penentu kesahan data bagi penyelidikan berkaitan Islam.

Mohd Syahmir Alias (2016) mengkaji mengenai bebas nilai dalam penyelidikan saintifik yang dikaji dari perspektif perkaedahan penyelidikan berteraskan Islam, Amirah Abdullah (2016) mengkaji mengenai kedudukan dogma Islam dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam, Ummi Zulaikha Abd Rashid (2016) mengkaji mengenai aplikasi *istiqrā'* dalam kaedah penyelidikan Islam, Wan Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2015) mengkaji pengaplikasian kaedah proses penfatwaan dalam KPBI, Abdul Hanis Embong (2017) mengkaji berkaitan aplikasi

kaedah tafsir dalam KPBI; dan terkini Nur Sakiinah Ab Aziz (2018) membincangkan aplikasi konsep *mutawātir* dalam ilmu qiraat sebagai sebagai kaedah penentu kesahan dan kebolehpercayaan data dalam KPBI.

Maka KPBI boleh dirumuskan sebagai sebuah kaedah penyelidikan yang lengkap untuk kajian-kajian berkaitan Islam dan orang Islam kerana bertepatan dengan tasawur dan epistemologi dalam Islam. Dalam Islam, telah wujud ilmu-ilmu Islam yang sesuai digunakan sebagai salah satu komponen KPBI iaitu ilmu *uṣūl al-fiqh*. Ilmu *uṣūl al-fiqh* boleh digunakan sebagai salah satu kaedah analisis hukum yang berfungsi untuk menganalisis teks al-Qur'an dan Hadith iaitu kaedah istinbat hukum.

1.2.3 Kaedah Istinbat Hukum

Wahyu diturunkan kepada manusia dalam bentuk wacana al-Qur'an. Al-Qur'an dijelaskan dan dihuraikan melalui perkataan dan perbuatan Nabi Muhammad SAW yang terhimpun dalam Hadith. Al-Qur'an mengandungi firman-firman yang diwahyukan sedikit demi sedikit selama 23 tahun. Untuk menetapkan kaedah dan konsep daripada wahyu perlu menggunakan satu kaedah yang telah dikembangkan dengan baik untuk memungkinkan penetapan dan penyusunan kaedah-kaedah dan konsep tersebut secara sistematik. Hukum-hakam fiqh yang dipetik daripada al-Qur'an dan Hadith dianalisis dan dirumus melalui suatu proses penyelidikan (istinbat) hukum yang dinamakan sebagai *uṣūl al-fiqh* (Mohd Hapiz Mahayaidin & Md. Yunus Abd Aziz, 2004:83).

Menurut al-Zuhayliy (2003:35), persoalan pokok *uṣūl al-fiqh* adalah menyentuh tentang dalil-dalil syarak yang boleh digunakan untuk mengeluarkan

hukum daripada dalil-dalilnya. Mengeluarkan hukum daripada dalil-dalilnya bergantung kepada dua perkara iaitu pertama mengetahui dalil yang boleh dijadikan pergantungan tanpa sebarang istinbat; dan yang kedua mengetahui bentuk-bentuk penjelasan yang terdapat dalam lafaz-lafaz yang menunjukkan makna tertentu. Kaedah-kaedah penjelasan lafaz ke atas makna dan hukum antaranya ada yang disepakati seperti penjelasan lafaz *muhkam* ke atas sesuatu makna tertentu yang tidak ada kemungkinan untuk ditakwil, dikhusus dan di *nasakh* kan pada zaman turunnya risalah kenabian, seperti hukum-hukum asas dalam agama seperti asas keimanan, Islam, asas akhlak seperti keadilan kebenaran, persamaan, penepatan janji, amanah, berbuat baik kepada kedua ibu bapa, menghubungkan silatulahim dan sebagainya.

Istinbat merupakan satu kaedah yang digunakan oleh ulama dalam mengeluarkan sesuatu hukum. Menurut Mohd Fuad Mohd Suwari (2005:333), istinbat bermaksud penentuan atau penghasilan sesuatu hukum berdasarkan sesuatu sumber yang berbentuk nas iaitu al-Qur'an dan Hadith. Dalam al-Qur'an terdapat dua kategori ayat iaitu ayat *qat'ī* (jelas) dan *zanni* (tidak jelas). Ayat yang *qat'ī* tidak memerlukan analisis kerana ia menyatakan sesuatu hukum dengan jelas. Manakala ayat *zanni* perlu kepada analisis, penilaian dan pentafsiran supaya ditafsirkan mengikut maksudnya yang sebenar. Ulama telah menggunakan kaedah istinbat untuk menentukan hukum yang dikehendaki berdasarkan ayat tersebut.

Kaedah istinbat hukum ialah teknik istinbat pengambilan hukum daripada nas-nas al-Qur'an dan Hadith. Setiap kaedah pengambilan hukum dalam syariat Islam hendaklah berdasarkan kedua-dua sumber tersebut. Namun begitu, *mujtahid* (orang yang mempunyai kemampuan untuk mengkaji, menyelidik dan mendapatkan hukum

syarak daripada dalil-dalil yang terperinci) hendaklah memahami dengan mendalam setiap lafaz nas yang dibawa dalam bentuk berbagai-bagai untuk mengeluarkan hukum (Abdul Latif Muda & Rosmawati Ali@Mat Zain, 2001:254).

Istinbat sesuatu hukum daripada nas al-Qur'an tidak sempurna melainkan menggunakan kaedah yang tertentu. Terdapat dua pendekatan yang digunakan dalam kaedah istinbat hukum iaitu pendekatan kaedah *lafziyyat* (lafaz) atau *uṣūliyyat al-lughawiyyat* (kebahasaan) dan *ma'nawiyat* (makna) (Abidin, 2018: 300). Pendekatan pertama ialah menggunakan kaedah *uṣūliyyat al-lughawiyyat* (Zaydān, 1976:15; Ibn Bādis, 1988:51; 'Abd al-Karīm Ḥāmidīy, 2008:9) atau kaedah *lafziyyat* (al-Kabīsiy, 1975:287). Pendekatan melalui kaedah kebahasaan ini meliputi sebahagian besar ilmu *uṣūl al-fiqh*. Hal ini adalah wajar disebabkan, dalam pengistinbatan hukum daripada suatu sumber yang berbahasa Arab diperlukan kajian yang mendalam berkaitan kebahasaan yang mendalam dan menyeluruh (Abidin, 2018:300).

Kaedah *uṣūliyyat al-lughawiyyat* (kebahasaan) ini merupakan kaedah penggunaan mencari pendalilan dan pengambilan hukum terhadap makna atau pengertian daripada lafaz-lafaz nas serta kedudukannya. Ia terdiri daripada beberapa

jenis iaitu ‘*ām*, *khāṣ*, *al-amr*¹⁸, *al-nahy*¹⁹, *al-muṭlaq*²⁰ dan *al-muqayyad*²¹. Adapun *dilālat* (petunjuk) terhadap makna yang jelas mempunyai empat jenis iaitu *al-zāhir*²², *al-naṣ*²³, *al-mufassar*²⁴ dan *al-muḥkam*²⁵. Manakala *dilālat* makna yang tidak jelas

¹⁸ *Al-amr* menurut bahasa ialah suruhan atau perintah. Dari segi istilah pula, ia bermaksud tuntutan melakukan sesuatu daripada yang lebih tinggi kedudukannya terhadap orang yang lebih rendah seterusnya perintah yang dimaksudkan di situ ialah perintah daripada Allah SWT terhadap mukalaf yang terkandung dalam al-Qur’an dan Hadith (‘Alī al-Jarīm & Muṣṭafā Amīn, t.t :179).

¹⁹ *Al-nahy* ialah tuntutan meninggalkan perbuatan tertentu daripada orang yang lebih tinggi kedudukannya terhadap orang yang lebih rendah berdasarkan lafaz yang menunjukkan berbuat demikian seterusnya tegahan yang dimaksudkan di situ ialah larangan daripada Allah SWT terhadap mukalaf yang terkandung dalam al-Qur’an dan Hadith (Badrān. t.t.:366; Nabīl ‘Abd al-Qādir al-Zayn, 1996:76).

²⁰ *Al-muṭlaq* ialah lafaz yang menunjukkan pada makna tertentu tanpa dibatasi oleh lafaz yang lain. Ia juga bermaksud lafaz yang memberi petunjuk kepada *mauḍu’*nya tanpa mengambil kira satu atau banyak sifatnya serta memberi petunjuk kepada hakikat sesuatu perkara contohnya seperti seorang lelaki (al-Āmidīy, 1980: 2).

²¹ *Al-muqayyad* ialah lafaz yang menunjukkan makna yang tertentu yang dibatasi dengan sifat-sifat yang tertentu untuk menunjukan keterikatan sifat dengan lafaz tersebut contohnya seperti seorang lelaki Irak (al-Āmidīy, 1980: 2)

²² *Al-zāhir* menurut bahasa ialah jelas. Dari sudut istilah ialah setiap lafaz atau ucapan terbentuk daripada lafaznya makna yang dikehendaki kepada pendengar tanpa menilai kepada *qarīnat* luaran atau pemerhatian (Zaydān, 1987:338).

²³ *Al-naṣ* ialah lafaz yang menunjukkan kepada sesuatu makna secara jelas tanpa terikat dengan perkara luar (al-Sarakhsiy, 1993:164-165), Ia juga merupakan lafaz yang lebih jelas daripada *al-zāhir* disebabkan *qarīnat* yang menyertai lafaz daripada orang yang mengucapnya (Zaydān, 1987:339).

²⁴ *Al-mufassar* ialah menjelaskan makna yang dikehendaki berdasarkan lafaz, bukan berdasarkan makna daripada pengucap (Zaydān, 1987:344).

²⁵ *Al-muḥkam* ialah lafaz yang menunjukkan makna yang dimaksudkan secara jelas tanpa ada sebarang kemungkinan takwil atau *takhṣīṣ* dan *naskh* semasa hayat Baginda, lebih-lebih lagi selepas kewafatannya. (al-Sarakhsiy, 1993: 165; Khallāf, 2003: 195-196; Zaydān, 1987:371).

terdiri daripada *al-khāfiy*²⁶, *al-musykil*²⁷, *al-mujmal*²⁸ dan *al-mutasyābih*²⁹. Adapun cara petunjuk lafaz terhadap makna terbahagi kepada empat iaitu *isyārat al-naş*, *'ibārat al-naş*, *dilālat al-naş* dan *dilālat al-'iqtidā* (Zaydān, 1987:338; Badrān, t.t.: 409-410).

Seterusnya, pendekatan kedua ialah dari sudut pendekatan *ma'nawiyat*. Kaedah ini yang digunakan untuk membuat kesimpulan hukum bukan berdasarkan nas secara langsung seperti ijmak, qias, *istihsān*, *maşālih al-mursalat*, *istişhāb* dan sebagainya (Abidin, 2018:302). Semua elemen ini memberi kesan yang besar dalam mengistinbatkan hukum-hukum daripada nas-nas al-Qur'an dan juga Hadith ('Abd al-Karīm Ḥamidiy, 2008:9). Kedua-dua pendekatan kaedah istinbat inilah yang digunakan oleh ulama dalam mengeluarkan dan membuat kesimpulan bagi sesuatu hukum.

²⁶ *Al-khāfiy* ialah lafaz yang maknanya samar atau tidak jelas pada sebahagian daripada pengertian yang ditunjuk hal itu disebabkan faktor penerapan terhadap *madlūl*, bukan kerana bentuk ucapan atau lafaznya. Dalam perkataan lain, *al-khāfi* ialah sesuatu lafaz maknanya tidak jelas dan perkara yang dikehendaki itu pun menjadi samar disebabkan ada faktor di luar lafaz. Justeru, perlu kepada pemerhatian dan kajian untuk menghilangkan kesamaran tersebut (Badrān Abū Aynayn Badrān, t.t.:409).

²⁷ *Al-musykil* ialah kekaburan atau kesamaran perkara ini lahir daripada lafaznya sendiri dan perkara yang dikehendaki oleh lafaz itu tidak dapat difahami melainkan dengan memakai dalil dari luar (Abū Zahrat, 1958; 122-123; Khallāf, 2003: 200-201).

²⁸ *Al-mujmal* ialah lafaz kesamaran yang tersirat di dalamnya pelbagai ketentuan yang tidak dapat difahami makna dikehendaki melainkan ada pernyataan lain menjelaskannya (Badrān, t.t.:410).

²⁹ *Al-mutasyābih* ialah lafaz yang tersembunyi dan samar pengertiannya dan tidak dapat dijangkau oleh akal, sama ada ia terkandung dalam al-Qur'an atau Hadith serta tiada *qarīnat* menunjukkannya (al-Sarakhsiy, 1993:169; Abū Zahrat, 1958:128-129).

Āyāt al-aḥkām (ayat-ayat hukum) pula terbahagi kepada tiga bahagian iaitu *al-aḥkām i'tiqādiyyat*³⁰, *al-aḥkām al-khulūqiyyat*³¹ dan *al-aḥkām al-'amāliyyat*³² (al-Zuhayliy, 1998:438-441). Kandungan hukum yang terkandung dalam al-Qur'an secara umum dapat dibahagikan kepada tiga iaitu hukum berkaitan dengan akidah, muamalat dan akhlak (Abd Latif Muda & Rosmawati Ali, 2012:23). Walau bagaimanapun, ulama telah mengkhususkan maksud *āyāt al-aḥkām* kepada hukum yang terdapat dalam al-Qur'an. Hukum tersebut dikaitkan kepada *al-aḥkām al-'amāliyyat* yang lebih dikenali dengan *al-aḥkām al-fiḥiyyat*. Pengkhususan ini bermakna ketika digunakan perkataan *āyāt al-aḥkām* perkataan itu membawa maksud ayat-ayat yang menjelaskan *al-aḥkām al-fiḥiyyat* sama ada secara nas ayat atau dengan jelas atau secara istinbat (Mahyudin Daud, 2012:26).

Berdasarkan konsep istinbat hukum yang telah dibincangkan oleh ulama sebelum ini, maka kaedah istinbat yang dianalisis dalam kajian berkaitan ayat-ayat hukum ini adalah kaedah *uṣūliyyat al-lughawiyyat* (kebahasaan) atau dikenali dengan kaedah *lafziyyat*. Sehubungan dengan itu, kaedah *uṣūliyyat al-lughawiyyat* akan diguna pakai bagi membentuk satu kaedah penganalisan data KPBI. Maka, dengan menggunakan kaedah penganalisan data KPBI ini akan menghasilkan satu rumusan hukum yang bertepatan dengan kehendak syarak.

³⁰ *Al-aḥkām i'tiqādiyyat* ialah hukum hakam yang berhubungan dengan akidah dan kepercayaan kepada Allah, Malaikat, Kitab, Rasul dan hari kiamat (Khallāf, 2003: 33; al-Zuhailiy, 1986:438).

³¹ *Al-aḥkām al-khulūqiyyat* ialah hukum hakam yang berhubungan dengan tingkah laku dan budi pekerti (Khallāf, 2003: 33; al-Zuhailiy, 1986:438).

³² *Al-aḥkām al-'amāliyyat* ialah hukum hakam yang berkaitan dengan perbuatan mukalaf mengenai ibadat atau adat, *mu'amalat madaniyyat* dan *māliyyat*, *ahwal al-syakḥsiyyat*, *jināyat* dan *'uqūbat*, jihad dan sebagainya (Khallāf, 2003: 33; al-Zuhailiy, 1986:438; Mohd Salleh Ahmad, 1999:94-95).

1.3 Pernyataan Masalah

Kaedah analisis data merupakan antara salah satu komponen utama yang perlu ada dalam sesuatu penyelidikan. Kaedah analisis data yang dominan digunakan dari dahulu hingga kini bagi setiap jenis penyelidikan ialah kaedah analisis data lazim. Dalam kaedah analisis data penyelidikan lazim, terdapat pelbagai kaedah yang digunakan untuk menganalisis sesuatu data, malah kaedah-kaedah yang digunakan tidak diterima sepenuhnya oleh penyelidik kerana penyelidik menggunakan kaedah analisis yang berbeza-beza mengikut kesesuaian kajian. Perbezaan ini menyebabkan kaedah analisis data kualitatif sering kali dipertikaikan kesahihan dan kebolehpercayaannya.

Secara umumnya, kaedah analisis data ialah satu proses yang digunakan untuk meneliti sesuatu data dengan menggunakan kaedah-kaedah yang tertentu supaya dapat mencapai objektif kajian dan seterusnya menjawab segala persoalan kajian. Dalam menghasilkan dapatan yang tepat, maka alat analisis yang digunakan perlu diteliti dahulu supaya bersesuaian dengan setiap penyelidikan yang dilakukan. Antara kaedah analisis data kualitatif yang kebiasaannya digunakan ialah kaedah analisis kandungan, kaedah analisis tekstual, kaedah analisis naratif, kaedah analisis tema, kaedah analisis wacana, kaedah analisis semiotik, kaedah analisis hermeneutik, kaedah analisis penerokaan paten dan juga kaedah analisis *grounded teory* (Liamputtong, 2009:469; Babbie & Rubin, 2014:460, Sekaran & Bougie, 2013:302; Chua, 2006:47-49).

Walaupun terdapat kepelbagaian kaedah analisis data kualitatif yang digunakan dalam pelbagai kajian, terdapat beberapa kekurangan yang telah dikenal

pasti bagi kaedah analisis lazim iaitu dari sudut falsafah dan alat analisisnya. Pertama, dari sudut falsafah ialah kaedah analisis lazim bertunjangkan epistemologi dan tasawur barat yang merujuk sumber-sumber yang berasaskan rasionalisme, saintisme dan empirisme semata-mata (Sidek Baba, 2007:191). Berbeza dengan kaedah analisis data KPBI yang bertunjangkan epistemologi dan tasawur Islam yang bersumberkan al-Qur'an, Hadith, ijmak dan qias serta gabungan antara ilmu *darūrī* dengan dalil '*aqlī* dan ilmu *nazarī* dengan dalil *naqlī* (Muhammad Syukri Salleh, 2010:136).

Kedua, dari sudut alat analisis. Muhammad Syukri Salleh (2010:136-137), menegaskan terdapat tiga sebab KPL tidak mempunyai alat analisis yang cukup bagi memahami penyelidikan berkaitan Islam. Pertama, KPL hanya mampu mengumpul pengetahuan melalui pemerhatian, data, penganalisan sebab akibat daripada interaksi angkubah-angkubah sahaja; kedua, KPL hanya meneliti realiti yang didapati daripada pengamatan fikiran dan pengalaman bukannya berdasarkan wahyu al-Qur'an dan al-Sunnah; ketiga, KPL menggunakan kaedah saintifik sahaja tidak akan mencapai kepada keyakinan peringkat tertinggi yang benar pada konteks Islam iaitu *ḥaqq al-yaqīn*. Selain itu, dari sudut kaedah analisisnya ialah dari sudut keupayaan kaedah analisis lazim dalam meneliti dan menganalisis makna tersurat dan tersirat dalam teks khususnya yang berkaitan nas al-Qur'an dan Hadith.

Al-Qur'an dan Hadith merupakan sumber utama bagi ilmu dan pengetahuan dalam Islam. Namun perlu ditegaskan bahawa jika sebarang bentuk dan cara penyelesaian masalah dalam penyelidikan yang tidak kembali merujuk kepada kedua-dua sumber asas Islam dan perinciannya daripada ulama-ulama muktabar, maka penyelidikan tersebut mungkin berakhir dengan dapatan yang tidak mencapai objektif

yang dikehendaki. Terdapat banyak teori berkenaan penyelesaian masalah sosial yang dikemukakan oleh ahli-ahli psikologi Barat dan telah digunakan untuk menyelesaikan masalah sosial, tetapi realitinya adalah masalah semakin bertambah rumit sehingga menjangkau sesuatu yang tidak pernah diduga oleh manusia normal (Abdul Munawwar Ismail & Mohd Nor Shanizan Ali, 2014:18).

Terdapat beberapa kekurangan yang terdapat dalam kaedah analisis kandungan yang kebiasaannya digunakan bagi kajian yang berbentuk kualitatif. Antaranya ialah dari sudut kesahihan dan kredibiliti dokumen, merangka kod manual, pertimbangan makna yang tersirat dari teks, jawapan yang tepat bagi persoalan kenapa dan dianggap sebagai *atheoretical* (Bryman, 2012:306-307; Babbie & Rubin, 2014:460). Selain itu, kaedah analisis hermeneutik juga dipertikaikan dari sudut asal usul kaedah yang digunakan. Hal ini disebabkan kaedah hermeneutik ini pada asalnya digunakan oleh ahli teologi Yahudi dan Kristian untuk memahami teks Bible (Ugi Suharto, 2003:125-126).

Apabila menyentuh mengenai kajian-kajian berkaitan Islam dan orang Islam, maka adakah wajar sekiranya menggunakan kaedah-kaedah daripada ilmu Islam yang telah lama diperkenalkan oleh ulama-ulama terdahulu? Adakah terdapat kaedah analisis data dalam Islam yang bersesuaian yang digunakan oleh ulama-ulama dalam menganalisis lafaz dan makna sesuatu teks yang tersurat dan tersirat berkaitan Islam dan orang Islam?

Muhammad Syukri Salleh (2010:139) menegaskan lagi bahawa KPBI perlu dibina secara meluas dengan secepat mungkin kerana KPL yang banyak digunakan

sekarang tidak bersesuaian dengan kajian berkaitan Islam. Usaha ini bertitik tolak daripada Muhammad Syukri Salleh (2010:139) yang menjelaskan terdapat tiga sebab kenapa KPBI perlu dibina. Pertama, KPL itu tidak sesuai digunakan untuk menyelidik sesuatu yang berkaitan dengan Islam; kedua, alat analisis kaedah penyelidikan lazim tidak mencukupi untuk memahami dan menyelesaikan masalah realiti sosial; dan ketiga, ia membahayakan akidah³³ umat Islam.

Al-Būṭiy (1990:59-60) menegaskan peranan dunia keilmuan pada masa kini dalam bidang metodologi ilmiah perlu melaksanakan dua perkara penting. Pertama, mengatur kembali kaedah yang telah di bina ulama dahulu agar menjadi lebih mudah. Kedua, memperbaiki dan menyusun semula kaedah tersebut dalam gaya bahasa yang sesuai pada masa kini sehingga kaedah tersebut dapat membimbing kembali pendidikan umat Islam. Maka, kedua-dua perkara ini amat sesuai diaplikasikan dalam kajian ini. Hal ini disebabkan kajian ini merupakan ilmu yang telah diperkenalkan oleh ulama-ulama terdahulu, akan tetapi pengkaji-pengkaji Islam tidak mempraktikkan dalam kajian-kajian mereka berkaitan kaedah-kaedah yang telah diperkenalkan oleh ulama-ulama terdahulu. Maka tugas penyelidik ialah menyusun kaedah ini dalam bentuk yang lebih mudah sesuai digunakan bagi semua peringkat pengajian dengan menggunakan gaya bahasa yang sesuai bagi setiap peringkat penyelidikan.

Walaupun terdapat kepelbagaian ilmu Islam yang diterokai bagi membentuk komponen-komponen KPBI, akan tetapi masih wujud lagi ilmu-ilmu Islam yang boleh

³³ Menurut Muhammad Syukri Salleh (2010:139), bahayanya asas-asas sains sosial lazim terhadap akidah ini ditambah lagi dengan sifat-sifatnya yang boleh mengancam akidah Islam. Antara sifat tersebut ialah sifat anti-dogmatis, sifat anti-teologi, dan sifat bebas nilainya.

diaplikasikan sebagai salah satu komponen KPBI. Antaranya kaedah *uṣūliyyat al-lughawiyyat* yang boleh diaplikasikan sebagai komponen analisis data KPBI. Bagi menyambung kajian berkaitan KPBI ini, kajian ini akan mengkaji aplikasi kaedah *uṣūliyyat al-lughawiyyat* sebagai kaedah penganalisisan data KPBI. Persoalannya, sekiranya kajian berkaitan Islam dan orang Islam khususnya kajian hukum dijalankan dengan menggunakan analisis data KPL, adakah tercapai segala persoalan dan objektif kajian tersebut? Maka daripada persoalan ini, timbul minat penyelidik untuk mengkaji dengan lebih mendalam untuk membentuk satu kaedah analisis data berteraskan kaedah istinbat dalam KPBI.

Pengkaji memilih KIAA sebagai salah satu kaedah analisis data kerana kaedah istinbat merupakan salah satu kaedah dalam ilmu *uṣūl al-fiqh* yang telah digunakan oleh ulama-ulama untuk menganalisis teks al-Qur'an seterusnya membuat kesimpulan hukum dari teks tersebut. Kaedah istinbat ini juga dikenali dengan kaedah istinbat *lafziyyat* atau kaedah istinbat *uṣūliyyat al-lughawiyyat* kerana kaedah inilah yang digunakan bagi menganalisis lafaz teks al-Qur'an termasuklah yang berkaitan ayat-ayat hukum. Dengan mengambil kira bentuk-bentuk kaedah istinbat dalam menganalisis lafaz ayat-ayat hukum, seseorang penyelidik dapat mengetahui makna setiap lafaz dalam nas secara tersurat mahupun tersirat.

Selain itu, penyelidik juga mampu untuk menentukan kejelasan dan kesamaran lafaz dalam sesuatu teks seterusnya menilai teks tersebut mengikut peringkat-peringkat kejelasan dan kesamaran tersebut. Dalam setiap teks juga terdapat bentuk perintah dan larangan yang telah digariskan oleh ulama serta bentuk-bentuk teks yang ditujukan secara umum atau khusus kepada golongan yang tertentu. Setelah elemen-